

Headline **Kelantan ingin perubahan**
Date **13. Feb 2008**
Media Title **Utusan Malaysia**
Section **Dlm Negeri**
Circulation **238082**
Readership **833287**

Language **MALAY**
Page No **5**
Article Size **46** cm2
Frequency **Daily**
Color **Full Color**



Kelantan ingin perubahan

KUALA LUMPUR 12 Feb. - Keinginan rakyat Kelantan yang mahukan perubahan menjadi satu petanda baik kepada Barisan Nasional untuk berkuasa di negeri itu.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapa Mohamed berkata, kehendak itu semakin jelas apabila rakyat Kelantan menerima perancangan pembangunan yang sudah dilakukan kerajaan BN sebelum ini.

"Tetapi apa pun, kita tidak boleh alpa dan perlu berhati-hati sepanjang masa. Kita kena kerja kuat dari sekarang, pergi kepada rakyat dan pastikan rakyat terus yakin untuk memilih kita," katanya selepas merasmikan majlis penutup Forum Kebangsaan Tenaga dan Air 2008 anjuran Universiti Putra Malaysia, Universiti Tenaga Nasional (Uniten) dan Universiti Kolej Infrastruktur Kuala Lumpur (KLIUC) di sini hari ini.